


## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 JANUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

### 'Strategi serampang 3 mata urus hutang'



Rafizi menerima cenderahati daripada Syed Hussian sambil disaksikan Ahmad Zaini (kiri) dan Azlan pada lawatan Kumpulan Media Prima Berhad di Kementerian Ekonomi, Putrajaya, semalam.

(Foto Azizuddin Saad/BH)

## 'Strategi serampang 3 mata urus hutang'

Pendekatan lebih menyeluruh henti ketirisan, kawal perbelanjaan negara

Oleh Rafizal Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya** Pendekatan strategi serampang tiga mata baki diam-bil untuk mengukuhkan keduduan fiskal dalam menangani hutang negara berserta liabiliti yang kini mencecah RM1.5 triliun.

Menyatakan itu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berakata ada beberapa strategi boleh diambil kerajaan seperti yang disebutnya pada minggu pertama beliau meneraju Kementeriannya.

Beliau berkata, pendekatan jangka pendek yang boleh diambil segera adalah dengan mendapatkan nilai terbaik bagi setiap perbelanjaan kerajaan.

"Kita boleh memastikan penyampaian projek dan kecekapan kos setiap projek kerajaan dapat dimaksimumkan."

"Itu caranya untuk menjimmatkan wang dengan memastikan ketirisan dapat dibentik," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat dari-pada kepimpinan kanan Kumpulan Media Prima Berhad (Media Prima) diketuai Pengurusinya, Datuk Seri Dr Syed Hussian Ajunid, di pejabatnya, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press Malaysia Ber-

had (NSTP) yang juga Pengarang Kumpulan BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Ketua Pegawai Eksekutif, Rangkaian Televisyen Media Prima dan PrimeWorks Studios, Datuk Khairul Anwar Salleh serta Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan dan Pejabat Pengurusan Kumpulan, Azlan Abdul Aziz.

Rafizi berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sendiri ada menyebut bahawa beliau berpendapat sekurang-kurangnya sejumlah RM10 bilion boleh diperoleh segera daripada sistem sedia ada dengan menghentikan ketirisan.

Beliau berkata, dengan memperuntukkan semula serta memberi keutamaan dalam perbelanjaan negara, ia mampu memperkuatkukan kedudukan fiskal.

#### Struktur sumber ekonomi

Namun, beliau berkata, pendekatan itu saja tidak mencukupi, iuster perlu ada perhusan untuk pungutan hasil negara.

"Ada beberapa pertimbangan dan keputusan dasar yang perlu kita ambil tetapi saya berpendapat ia memerlukan tempoh masa sedikit lama untuk dilihat kerana impaknya lebih besar."

"Ia membabitkan kesimbangan pertumbuhan dengan melindungi sektor sewajarnya dengan memastikan apa yang kita akan lakukan tidak memperlambangkan pertumbuhan yang disarankan," katanya.

Rafizi berkata, strategi ketiga yang boleh diambil adalah dengan segera menstruktur semula ekonomi negara.

Beliau berkata, ada keperluan mendesak untuk menaik taraf

ekonomi negara bagi membolehkan Malaysia meningkatkan perkhidmatan dan syarikat bernilai tinggi.

"Apabila pendapatan rakyat meningkat, ia juga menyumbang kepada hasil negara."

"Sudah jelas apa yang perlu dilakukan namun ia harus dilaksanakan secara berperingkat-peringkat," katanya.

Pada masa sama, Rafizi berharap seluruh negara memahami bahawa untuk tempoh satu atau dua tahun ini, kedudukan fiskal perlu diperkuatkukan.

Beliau berkata, untuk itu, kerajaan perlu melakukan beberapa perkara bagi membuatkan kedudukan negara dengan segera.

Rafizi berpendapat, selepas satu atau dua tahun, apabila kedudukan fiskal semakin kukuh, ada laba ekonomi kepada negara yang akan dirasai oleh rakyat dalam tempoh dua atau tiga tahun mendatang.

"Konsepnya samalah kalau demam kena ambil Panadol (ubat). Awal-awal tu ada orang mungkin tak suka Panadol, mungkin tak suka ubat tapi kena ambil ubat dahulukan."

"Tapi ia (hutang negara) bukanlah sesuatu yang berada dalam keadaan yang berbentuk krisis yang perlu panik ataupun kerajaan berada dalam keadaan yang begitu terdesak."

"Kita masih ada ruang itu cuma sama macam dengan demam, kalau demam buat-buat tak makan ubat, tak ambil kira tak berehat kita tak ambil ubat beberapa perkara ia akan jadi semakin teruk," katanya.

Berikutnya itu, beliau berkata landasan pengurusan kewangan negara perlu diubah sekarang.